

KEDUDUKAN KETERANGAN PAKAR FORENSIK DI BAWAH SEKSYEN 45 AKTA KETERANGAN 1950

Ramalinggam Rajamanickam,¹ Anita Abdul Rahim² & Anisah Che Ngah³

¹ Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia

rama@ukm.my

²Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia

aar@ukm.my

³Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia

anisah@ukm.my

ABSTRAK

Dalam dunia yang kian canggih ini, jenayah yang dilakukan oleh manusia turut menjadi kompleks. Keadaan ini mewujudkan suatu cabaran yang besar dalam aspek pembuktian sesuatu jenayah itu. Undang-undang Keterangan merupakan perundangan yang terlibat secara langsung dalam isu pembuktian atau penyangkalan sesuatu jenayah dan ini dilakukan menerusi persembahan keterangan-keterangan yang relevan kepada fakta dalam isu. Salah satu bentuk keterangan yang relevan ialah keterangan pakar.Justeru, penulisan ini berkisar tentang skop keterangan pakar yang diperuntukkan di bawah Seksyen 45 Akta Keterangan 1950. Penulisan ini sangat signifikan untuk mencari makna forensik dalam peruntukan seksyen 45 itu memandangkan ia hanya menggunakan terminologi sains semata-mata dan bukannya terma forensik. Artikel ini bertujuan untuk menilai sama ada perkataan sains yang digunakan untuk maksud pakar dalam peruntukan tersebut juga merujuk kepada pakar-pakar forensik. Maka, pendekatan kualitatif bersifat diskriptif digunakan dalam artikel ini untuk menerangkan peruntukan Seksyen 45 ini.

Kata kunci: Forensik, Jenayah, Keterangan, Keterangan Pakar, Sains

PENGENALAN

Undang-undang keterangan merupakan salah satu undang-undang prosedur atau adjektif di Malaysia. Undang-undang keterangan merupakan suatu undang-undang yang sangat penting dalam memberikan keadilan kepada manusia sejagat. Kepentingannya boleh dilihat dalam perbicaraan sesuatu kes memandangkan undang-undang keterangan akan terpakai kepada perbicaraan di mahkamah sahaja. Pihak-pihak dalam sesuatu pertikaian perlu bergantung kepada undang-undang keterangan untuk membuktikan atau menyangkal sesuatu fakta dalam isu. Hakim perlu memutuskan sesuatu kes berlandaskan kepada keterangan yang telah dikemukakan kepada mahkamah oleh pihak-pihak. Keterangan yang dikemukakan oleh pihak-pihak dalam sesuatu kes boleh terdiri daripada pelbagai bentuk seperti keterangan langsung, keterangan mengikut keadaan, keterangan dokumentari, keterangan sebenar dan keterangan lisan. Bagi melihat kedudukan keterangan pakar forensik di bawah undang-undang keterangan Malaysia, beberapa terminologi perlu ditakrifkan terlebih dahulu.

DEFINISI KETERANGAN

Terma pertama yang perlu didefinisikan ialah ‘keterangan.’ Perkataan keterangan berasal daripada terma Latin, *evidens* dan *evidere* yang bermaksud “to show clearly, to make clear to the sight, to discover clearly, to make plainly certain, to ascertain, to prove” (Hamid Ibrahim & Maimoonah Hamid, 1993, hlm 1). Menurut bahasa, keterangan bermaksud penjelasan atau hal yang yang menjadikan sesuatu perkara dan lain-lain terang atau jelas (Kamus Dewan, 2007, hlm 1665). Dalam erti kata biasa, keterangan ialah “which makes evident something to someone, as when a person who heard a disputed remark says that he relies on the evidence of his own ears.” Tetapi, menurut undang-undang, keterangan ialah “which makes evident a fact to a judicial tribunal” (G.D Noakaes, 1967, hlm 3).

Justice Y V Chandrachud dan V R Manohar dalam bukunya, *Ratanlal & Dhirajlal's The Law of Evidence* menyatakan definisi keterangan meliputi keterangan saksi-saksi, dan keterangan dokumentari. Ia tidak meliputi segala yang terdapat di hadapan mahkamah (Justice Y V Chandrachud & V R Manohar, 2001, hlm 8). Selain itu, keterangan juga bermaksud sesuatu yang membuktikan tuntutan atau pernyataan (Richard A. Spears, 1998, hlm 312). Sementara itu, Robin T. Bowen melihat keterangan sebagai apa-apa yang membantu untuk membuktikan atau menafikan fakta-fakta material (Robin T. Bowen, 2010, hlm 55).

Richard May dan Steven Powles pula menyatakan keterangan adalah sesuatu yang cenderung untuk membuktikan atau menyangkal apa-apa fakta atau kesimpulan. Dalam sesuatu perbicaraan, ia bermaksud informasi yang diletakkan di hadapan mahkamah untuk membuktikan fakta-fakta dalam isu iaitu dalam sesuatu perbicaraan jenayah, ia adalah fakta-fakta yang mana pendakwaan perlu wujudkan untuk membuktikan kesnya dan defendan perlu ketengahkan untuk membangkitkan sesuatu pembelaan (Richard May & Steven Powles, 2004, hlm 3). Keterangan juga diertikan sebagai:

“Information given personally, drawn from a document, or in the form of material objects, tending or used to establish facts in a legal investigation or as testimony in a court of law: *without evidence, they can't bring a charg.*” (Jay M.Feinman & Erin McKean, hlm 67).

Berdasarkan kepada definisi di atas, jelas kepada kita bahawa keterangan boleh diperoleh dalam bentuk lisan, dokumentari atau objek material (keterangan sebenar) di mana tanpa keterangan, sesuatu pertuduhan tidak boleh dibawa.

Pada dasarnya, undang-undang keterangan berkaitan dengan regulasi sesuatu penyiasatan yang bersifat dapatan fakta. Siasatan ini adalah lebih bersifat historikal daripada saintifik (P.B. Carter, 1990, hlm 3). Jeremy Bentham pula mentakrifkan keterangan sebagai “...any matters of facts, the effect tendency or design of which is to produce in the mind a persuasion either affirmative or disaffirmative of the existence of some other matter of fact...”

Selain itu, keterangan juga boleh dimaksudkan sebagai informasi, dan sebagainya yang memberikan asas untuk kepercayaan; yang menzahirkan atau mencadangkan sesuatu. Ia juga boleh berupa testimoni lisan atau bertulis yang digunakan dalam sesuatu mahkamah. ((Robert Allen, 1994, hlm 437). Tambahan pula, data yang dikemukakan kepada sesuatu mahkamah atau juri dalam membuktikan fakta dalam isu dan yang mana termasuk testimoni saksi-saksi, rekod, dokumen atau objek, boleh menjadi keterangan (Webster's Encyclopedic Unabridged Dictionary of the English Language. 1989, hlm 495).

Tambahan pula, keterangan boleh ditakrifkan sebagai keseluruhan badan peraturan, yang diwujudkan oleh mahkamah dan statut-statut. Keterangan juga diertikan sebagai “apa-apa yang boleh diserahkan secara undang-undang kepada sesuatu mahkamah untuk membuktikan sesuatu pertikaian tentang sesuatu perkara fakta. Keputusan keterangan adalah bukti dalam erti undang-undang dan salah satu kaedah keterangan adalah melalui testimoni lisan” (Sinha & Dheeraj, hlm 72).

Bukan itu sahaja, malah keterangan juga bermaksud sebagai sesuatu yang membuktikan suatu tuntutan atau kenyataan (Richard A. Spears, 1998, hlm 312). Keterangan juga membawa maksud sebagai sesuatu (termasuk testimoni, dokumen dan objek-objek *tangible*) yang cenderung untuk membuktikan atau menyangkal kewujudan sesuatu fakta yang ditegaskan. Selain itu, keterangan turut ditakrifkan sebagai badan undang-undang mengawal kebolehterimaan tentang apa yang ditawarkan sebagai bukti ke dalam rekod sesuatu prosiding undang-undang (L.B.Curzon, 2002, hlm 595).

Wharton's Law Lexicon pula mendefinisikan keterangan sebagai “bukti, sama ada bertulis atau tidak bertulis, tentang pertikaian (allegations) dalam isu antara pihak-pihak” (A.S. Oppe, 2007, hlm 382). Manakala, definisi yang mempunyai makna yang serupa tetapi dalam luahan yang berbeza telah diberikan oleh *K. J. Aiyar's Judicial Dictionary (A Manual of Law Terms and Phrases)* yang mana menyatakan keterangan sebagai “bukti, sama ada lisan atau dokumentari atau melalui saksi-saksi tentang pertuduhan dalam isu antara pihak-pihak dalam prosiding” (S.K. Awasthi & Rakesh Bagga, 1995, hlm 461).

Menurut PM Bakshi, makna kamus tentang perkataan ‘keterangan’ adalah “that which makes evident; means of providing an unknown or disputed fact, information in a law case.” Dari segi pandangan umum (common parlance), sesuatu hal fakta yang diberikan dalam mana-mana prosiding undang-undang adalah keterangan (PM Bakshi, 2001, hlm 379).

Selain definisi-definisi keterangan yang dikemukakan di atas, rujukan kepada keskes mahkamah boleh dibuat dalam membincangkan maksud keterangan. Dalam kes *Gunaram Tanti v. State of Assam* (1983) Cr. L. J. 289, hlm 292 (Gauhati), persoalan yang timbul adalah apakah yang dimaksudkan dengan keterangan? Adakah ia termasuk kenyataan saksi-saksi yang direkodkan oleh polis (kenyataan polis)? Berdasarkan kepada Hakim Sesyen yang bijaksana, kenyataan polis juga digunakan sebagai keterangan. Namun di peringkat rayuan, B.I. Hansaria, J telah memutuskan bahawa perkataan ‘keterangan’ bermaksud kenyataan saksi-saksi yang direkodkan oleh mahkamah dan ia tidak termasuk kenyataan polis.

Dalam kes ini, mahkamah telah merujuk kepada definisi yang telah diberikan oleh beberapa kamus. Contohnya, dalam *Mozley's and Whitely's Law Dictionary*, perkataan “keterangan” telah ditakrifkan, inter alia, sebagai “any matter lawfully deposited to on oath or affirmation...” adalah diketahui bahawa kenyataan polis tidak dibuat atas sumpah ataupun atas pengesahan.

Manakala, *Webster's 20th Century Dictionary* pula telah mendefinisikan perkataan “keterangan” dalam undang-undang sebagai “something legally presented before a court, as a statement of a witness, on object etc., which bears or establishes the point in question”. Dalam *Oxford English Dictionary*, penggunaan perkataan “keterangan” dalam

konteks undang-undang dinyatakan, antara lain, untuk maksud "the testimony which in any particular case has been received by the court and entered on its record".

Dalam kes *Pendakwa raya v Sanassi* [1970] 2 MLJ 198, hlm 200-201, Hakim Sharma di Mahkamah Tinggi dengan ringkas dan terang menyatakan bahawa:

"In order to constitute 'evidence' as defined in section 3 of the Evidence Ordinance an oral statement made to the court has to be by a 'witness'. A witness can only give evidence from the witness box and not from the dock or elsewhere."

Kenyataan Hakim Sharma itu menggambarkan bahawa keterangan terbatas kepada testimoni saksi-saksi di mahkamah sahaja. Tambahan pula, Hakim Mudie menerusi kes *Kurup v. Pendakwa raya* [1934] MLJ 17, hlm 19 dalam konteks yang sama telah menyatakan bahawa:

"The definition of 'Evidence' and 'Court' in section 3 of the Evidence Ordinance shows that evidence is the testimony of witnesses in a Court or before a person legally authorized to take evidence."

Sementara itu, dalam kes *Abda Airfreight Sdn Bhd v Sistem Penerangan Malaysia Bhd* [2001] 8 CLJ 1, hlm 38, hakim telah merujuk kepada kes *Pendakwa raya v Sanassi* dan kes *Kurup v Pendakwa raya* dalam memutuskan bahawa keterangan lisan yang tidak disokong dengan keterangan dokumentari masih signifikan bagi sesuatu kes kerana keterangan boleh diberikan oleh saksi.

Dalam memahami maksud keterangan, statut perundangan juga boleh dijadikan sumber rujukan. Seksyen 3 Akta Keterangan India 1872 menyatakan bahawa:

"Evidence means all statements which the Court permits or requires to be made before it by witnesses, in relation to matters of fact under enquiry; such statements are called oral evidence; all documents produced for the inspection of the Court; are called documentary evidence."

Sementara itu, Akta Keterangan 1967 mendefinisikan keterangan sebagai "the means by which an alleged matter of fact, the truth of which is submitted to investigation, is proved or disproved; and without prejudice to the foregoing generality, includes statements by accused persons, admissions and observations by the court in its judicial capacity."

Manakala, Seksyen 3 Akta Keterangan 1950 pula menyatakan "keterangan" termasuklah—

- (a) segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubung dengan perkara fakta yang disiasat: pernyataan sedemikian disebut keterangan lisan;
- (b) segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan mahkamah: dokumen sedemikian disebut keterangan dokumentar.

Berdasarkan kepada sumber-sumber di atas, dapatlah disimpulkan bahawa keterangan merupakan apa-apa fakta, informasi atau kenyataan yang diberikan kepada mahkamah untuk membuktikan ataupun menyangkal sesuatu isu atau fakta sama ada melalui saksi, dokumen ataupun objek material.

DEFINISI PAKAR

Terma seterusnya yang perlu dijelaskan adalah tentang ‘pakar.’ Menurut Seksyen 4 Akta Keterangan New Zealand 2006, pakar bermaksud “a person who has specialised knowledge or skill based on training, study, or experience.” Manakala seksyen yang sama mendefinisikan keterangan pakar sebagai “the evidence of an expert based on the specialised knowledge or skill of that expert and includes evidence given in the form of an opinion.” Hatta, pakar dapat diertikan sebagai seseorang yang memberikan pendapat berdasarkan pengetahuan atau kemahiran khusus yang diperoleh melalui latihan, pembelajaran ataupun pengalaman.

Manakala, Richard Saferstein menyatakan bahawa saksi pakar boleh ditakrifkan sebagai “an individual whom the court determines to possess knowledge relevant to the trial that is not expected of the average layperson” (Richard Saferstein, 2007, hlm 18).

Berdasarkan definisi ini, apa yang jelas ialah pakar bermaksud seseorang individu yang ditentukan oleh mahkamah sebagai memiliki pengetahuan yang relevan kepada perbicaraan sesebuah kes dan pengetahuan ini tidak boleh diperoleh daripada orang biasa.

Andrew R.W. Jackson dan Julie M. Jackson pula mendefinisikan saksi pakar sebagai “an individual who is required to appear in court in order to give factual information and opinion based on fact, from within his or her area of expertise” (Andrew R.W. Jackson dan Julie M.Jackson, 2008, hlm 432). Takrifan yang diberikan ini dapat menggambarkan maksud pakar sebagai seseorang individu yang dikehendaki hadir ke mahkamah untuk memberikan informasi berfakta dan pandangan berlandaskan fakta dalam lingkungan kepakarannya. Maknanya, seseorang pakar tidak boleh memberikan pendapat atau informasi berfakta yang berada di luar bidang kepakaran atau kemahirannya.

Selain itu, kedua-dua mereka juga berpendapat bahawa terma ‘saksi pakar’ boleh didefinisikan sebagai seseorang yang bukan peguam (non-lawyer) yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang tertentu iaitu di luar pengetahuan umum (common) mahkamah dan yang memberikan keterangan pendapat berserta dengan fakta.

Bagi mendapatkan penerangan yang lebih lanjut tentang maksud pakar, kes-kes yang telah diputuskan boleh digunakan sebagai autoriti. Seseorang pakar seperti yang dikatakan oleh Lord Russell CJ dalam kes *The Queen v Silverlock [1894] 2 QB 766*, hlm 771 ialah:

“someone who is skilled and has adequate knowledge in an area of expertise. Qualifications of an expert may have been acquired through study, training or experience.”

Manakala, dalam kes Pendakwa raya v Lee Ee Teong [1953] MLJ 244, mahkamah memutuskan bahawa:

‘A person who is skilled or knowledgeable on certain matters by reason of his experience and exposure may be an expert.’

Berdasarkan kepada kes-kes yang telah diputuskan, dapat disimpulkan bahawa pakar merupakan seseorang yang berpengetahuan dan mempunyai kemahiran dalam sesuatu perkara atau bidang kepakaran. Pengetahuan dan kemahiran ini mungkin dicapai

menerusi kelayakan akademik (pembelajaran), pengalaman, pendedahan atau latihan atau sebagainya.

Suatu pendefinisan tentang pakar secara universal tidak wujud, standard yang diterima secara umum ialah seorang pakar memiliki pengetahuan dan kemahiran yang tiada pada orang biasa. Justeru, testimoni pakar membantu *trier of fact* (hakim atau juri) dalam menyelesaikan persoalan dalam sesuatu kes mahkamah disebabkan pakar mempunyai lebih pengetahuan dan pengalaman daripada anggota-anggota juri atau mahkamah. Sebagai kesannya, untuk membantu *trier of fact* dalam mencari kebenaran, pakar dibenarkan untuk mengemukakan suatu pendapat sepanjang testimoni dan membuat kesimpulan (Barry Fisher, David Fisher & Jason Kolowski, 2007, hlm 19-20).

Sesungguhnya, dapatlah dirumuskan bahawa pakar ialah seseorang yang mempunyai pengetahuan atau kemahiran khusus tentang sesuatu bidang atau perkara yang diperoleh sama ada dengan cara kelayakan akademik (pembelajaran), latihan ataupun pengalamannya dalam bidang atau perkara tersebut. Pengetahuan dan kemahiran ini akan digunakan oleh pakar tersebut untuk memberikan pendapat pakarnya dalam sesuatu kes yang dibicarakan di mahkamah. Pakar tersebut hanya boleh memberikan pendapat tentang sesuatu perkara yang berada di bawah skop kepakarannya sahaja.

Sebagai contoh, dalam kes Thomas Mason [1911-12] 7 Cr. App. R 67, seorang doktor bedah telah ditanya pendapatnya sama ada seseorang itu mati sebagai akibat daripada lukanya dan sama ada *they could have been self-inflicted*. Manakala dalam kes Dr KS Sivananthan v The Government of Malaysia [2001] 1 MLJ 35, Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa Mahkamah Perbicaraan sepatutnya tidak menerima keterangan seorang pakar perubatan mengenai tulisan tangan dan keaslian sesuatu rekod. Menurut mahkamah, dalam hal menentukan kesahihan tulisan tangan, seorang pakar tulisan tangan hendaklah dipanggil.

DEFINISI FORENSIK

Terma terakhir yang perlu didefinisikan ialah ‘forensik.’ Menurut bahasa, forensik adalah berkenaan pengetahuan perubatan yang diperlukan dalam pengadilan (misalnya, untuk menentukan punca sesuatu kematian) (Kamus Dewan, 2007, hlm 414). Forensik berasal daripada perkataan Latin iaitu “Forensis” yang bermaksud “forum atau pasar awam.” Fakta ini jelas apabila Chambers *Encyclopedic English Dictionary* menyatakan bahawa forensik berasal daripada perkataan Latin iaitu *forensic* yang bermaksud *forum*, di mana mahkamah undang-undang dijalankan di Rom (Robert Allen, 1994, hlm 598).

Manakala, Max M. Houck menyatakan bahawa perkataan ‘forensic’ terbit daripada Latin, ‘*forum*’ yang bermaksud ‘awam’ (public). Pada zaman Rom kuno, Senat bertemu di *Forum* iaitu satu tempat awam di mana isu-isu polisi dan politik harian dibincangkan dan didebatkan. Bahkan hari ini, pasukan-pasukan sekolah tinggi dan universiti yang bersaing dalam debat atau perucapan awam dipanggil ‘forensics’. Lebih teknikal lagi, forensik bermaksud sebagai diaplisasikan kepada awam atau hal yang berkaitan undang-undang (Max M. Houck, 2009, hlm 2).

L. B. Curzon pula mendefinisikan forensik sebagai “relating to legal matters” (L.B.Curzon, 2002, hlm 182). Maknanya, forensik adalah berkaitan dengan hal-hal

undang-undang. Forensik juga bermaksud sesuatu yang berkaitan dengan undang-undang dan digunakan di mahkamah keadilan. (*The Oxford English Dictionary*, 1989, hlm 55). Definisi yang hampir sama telah diberikan oleh ‘*The Oxford English Reference Dictionary*’ di mana forensik ditakrifkan sebagai sesuatu yang berkaitan dengan undang-undang dan keadilan terutamanya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan jenayah (Judy Pearsall and Bill Trumble, 2002, hlm 542).

Forensik adalah berkaitan dengan mahkamah keadilan ataupun satu perdebatan umum sama ada melalui lisan atau dokumen. Bukan itu sahaja, malah forensik adalah satu proses menggunakan pengetahuan saintifik untuk mengumpul, menganalisa, dan mempersempit keterangan kepada mahkamah. Selain itu, forensik turut diertikan sebagai “of, relating to, or denoting the application of scientific methods and techniques to the investigation of crime.” Dengan kata lain, forensik ialah ujian atau teknik-teknik saintifik yang digunakan untuk tujuan mengesan jenayah (Jay M. Feinman & Erin McKean, 2003, hlm 74).

Sementara itu, *Chambers Encyclopedic English Dictionary* mendefinisikan forensik sebagai “relating to or belonging to courts of law, or to the work of a lawyer in court.” Di samping itu, kamus yang sama turut menyatakan bahawa forensik adalah berkenaan dengan aspek saintifik penyiasatan undang-undang (Robert Allen, 1994, hlm 481).

Forensik juga diertikan sebagai berkaitan dengan mahkamah dan undang-undang. Sebagai contoh, *forensic medicine* ialah pengetahuan perbuatan atau amalan perubatan yang terlibat dengan testimoni mahkamah atau hal undang-undang yang lain. Forensik merujuk kepada kedua-dua keterangan senjata api dan kemahiran membuat pengujian beralasan (Daniel Oran, J.D. & Mark Tosti, J.D., 2008, hlm 216). Terdapat beberapa definisi yang telah diberikan oleh sebuah kamus terbitan *Reader’s Digest* (Universal Dictionary, 1992, hlm 598). Kamus tersebut menyatakan forensik sebagai:

- “1. Pertaining to or employed in legal proceedings or argumentation.
2. Pertaining to a forensic science, such as pathology.
3. Of or employed in debate or argument; rhetorical.”

Ringkasnya, forensik adalah sesuatu yang berkaitan dengan sains forensik yang digunakan dalam prosiding undang-undang. Menurut kamus itu juga forensik ialah pembelajaran atau amalan debat formal atau penghujahan (Universal Dictionary, 1992, hlm 598).

Selain menggambarkan forensik sebagai sesuatu yang berkaitan dengan mahkamah, terdapat juga definisi yang menyatakan forensik sebagai suatu seni atau kemahiran berdebat (Richard A. Spears, 1998, hlm 361). *Word Power Dictionary* pula menyatakan bahawa forensik berkaitan dengan mahkamah undang-undang atau sains yang berkaitan penyiasatan jenayah. Ia turut mentakrifkan forensik sebagai sains atau seni perucapan awam dan debat (*Word Power Dictionary*, 1998, hlm 322).

Forensik juga diertikan sebagai ‘belonging to courts of justice (A.S. Oppe, 2007, hlm 427). Kenyataan ini menggambarkan bahawa forensik merupakan sesuatu yang menjadi milik mahkamah. Dengan kata lain, forensik digunakan oleh mahkamah untuk mencapai keadilan. Dalam sebuah kamus Australia pula, forensik digambarkan sebagai berkaitan kepada perkara-perkara di hadapan mahkamah atau sesuatu yang direka untuk digunakan di mahkamah (Dr Peter E Nygh & Peter Butt, 1997, hlm 494). Menurut *Criminal Justice (Forensic Sampling and Evidence) Bill 2007*, forensik bermaksud “the scientific tests and techniques used in connection with the detection of crime.”

Berdasarkan kepada definisi-definisi yang telah diutarakan, dapatlah dirumuskan bahawa forensik adalah sesuatu yang berkaitan dengan mahkamah keadilan. Ia melibatkan kaedah-kaedah atau teknik-teknik saintifik yang digunakan dalam siasatan jenayah. Sebagai contoh, dalam kes Loh Kah Loon v. Pendakwa raya [2011] 7 CLJ 571, hlm 582, mahkamah telah menerima keterangan seorang ahli kimia dalam memutuskan berat bersih eksibit-eksibit dadah-dadah yang dijumpai oleh pegawai serbuan di tempat kejadian. Manakala dalam kes Mohd Darwish Saleh v Pendakwa raya, Rayuan Jenayah No: 42-1-2008, pula keterangan ahli kimia, SP7 dan laporan kimia, P45 telah diterima oleh mahkamah dalam memutuskan isu DNA yang terdapat pada dua item iaitu kondom dan papan *plywood*.

KEDUDUKAN KETERANGAN PAKAR FORENSIK DALAM AKTA KETERANGAN 1950

Umum mengetahui bahawa statut perundangan yang berkaitan undang-undang keterangan di Malaysia ialah Akta Keterangan 1950. Bagi membolehkan sesuatu keterangan itu diterima di mahkamah, ia perlulah jatuh dalam lingkungan Akta Keterangan 1950. Hal ini bermakna, jika sesuatu pihak kepada prosiding membawa keterangan saksi pakar, ia mestilah berada dalam mana-mana peruntukan dalam akta itu untuk menjadikannya relevan. Keterangan pakar adalah relevan di bawah Seksyen 45 Akta Keterangan 1950. Seksyen 45 berbunyi:

(1) Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni

itu atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari, ialah fakta berkaitan.

(2) Orang sedemikian itu dipanggil pakar.

Berdasarkan kepada peruntukan seksyen ini, seseorang itu boleh dianggap pakar apabila pendapat atau perkara itu jatuh di bawah beberapa kategori iaitu undang-undang negara asing, sains atau seni dan tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari. Justeru, selain kategori ini, tidak akan dianggap pakar.

Melihat kepada kandungan Seksyen 45 ini, perkataan ‘forensik’ tidak digunakan. Seksyen ini hanya menggunakan terminologi ‘sains’ dalam membincangkan kategori-kategori pakar. Justeru, bolehkah satu kesimpulan diukur bahawa sains dan forensik ini adalah sama walaupun akta hanya menggunakan perkataan sains semata-mata, ataupun adakah forensik ini merupakan satu cabang kepada sains?

Sains adalah satu profesyen yang meneruskan kawalan dan imbalan untuk memastikan ketepatan (Robin T. Bowen, 2010, hlm 55). Kaedah saintifik atau kaedah sains merupakan kaedah yang digunakan untuk menyiasat sesuatu fenomena, menceburil ilmu baru atau membentulkan dan menyepadukan ilmu terdahulu. Kaedah berkenaan berasaskan bukti yang boleh dicerap, empirik dan boleh diukur berdasarkan prinsip penakulan. Kaedah saintifik meliputi mengumpul data melalui pencerapan dan uji kaji serta perumusan dan ujian hipotesis (Estidotmy, 2010, hlm 18).

Menurut *Field's Expert Evidence*, perkataan ‘sains’ atau ‘seni’ perlu ditakrifkan secara luas (Shri S.N. Gour , 1989, hlm 72). Dalam kes Basudeo Gir v. State, AIR 1959 Pat. 539, hlm 536, mahkamah telah merujuk kepada *Universal Dictionary of English Language* dan menyatakan bahawa perkataan ‘sains’ yang didefinisikan sebagai “great proficiency, dexterity and skill based on long experience and practice” adalah cukup luas untuk memasukkan keterangan seseorang pakar.

Menurut Artikel 49 *Stephen's Digest of the Law of Evidence*, perkataan ‘sains’ atau ‘seni’ termasuklah semua perkara (subjek) yang mana pembelajaran khusus atau pengalaman diperlukan dalam membentuk sesuatu pendapat. Walaupun maksud sains atau seni tidak didefinisikan tetapi mahkamah telah memberikan makna yang luas. Dalam kes *Chandrasekaran & Ors v Pendakwa raya* [1971] 1 MLJ 153, hlm 159, Raja Azlan Shah memberikannya satu makna yang fleksibel dengan menyatakan bahawa:

“The expression ‘science or art’ is elastic enough to be given a liberal interpretation.’

Rentetan itu, dalam kes ini, perkataan sains atau seni telah diputuskan sebagai termasuk tulisan bertaip. Hakim Raja Azlan Shah menyatakan bahawa tulisan bertaip memerlukan analisis saintifik sama seperti tulisan tangan dan juga kesan cap jari.

Menurut Hamid Sultan bin Abu Backer pula, sains atau seni juga termasuk racun, ujian balistik dan keterangan perubatan. Ilustrasi yang diberikan di bawah Seksyen 45 bukanlah sesuatu yang komprehensif (exhaustive) (Hamid Sultan bin Abu Backer, 1994, hlm 344).

Berdasarkan kepada hujah-hujah dan autoriti-autoriti yang diberikan di atas, dapat disimpulkan bahawa terminologi ‘sains’ yang digunakan oleh Seksyen 45 Akta Keterangan

1950 mempunyai skop yang luas. Sekiranya terdapat kaedah saintifik yang digunakan dalam mana-mana bidang, maka bidang tersebut termasuk dalam skop sains. Maknanya, bidang forensik yang menggunakan kaedah saintifik dalam sesuatu kes atau penyiasatan turut tergolong dalam kategori sains yang dimaksudkan dalam Seksyen 45 Akta Keterangan 1950.

KESIMPULAN

Secara intihannya, dapatlah dikatakan bahawa forensik merupakan satu cabang kepada sains. Hal ini jelas melalui definisi forensik dan sains yang telah dibincangkan sebelum ini. Sains merupakan sesuatu yang sangat luas dan salah satu cabang sains yang penting ialah forensik. Fakta ini terbukti apabila forensik digunakan dalam penyiasatan jenayah sedangkan sains boleh terpakai kepada mana-mana kes. Tambahan pula, forensik bermula di tempat kejadian jenayah dari masa sesuatu jenayah itu dilakukan. Manakala, sains tidak semestinya tertakluk kepada prinsip ini. Walaupun seseorang pakar sains itu tidak menjalankan apa-apa pemeriksaan yang relevan kepada sesuatu kes, dia masih boleh dipanggil untuk memberikan keterangan pakarnya menurut Seksyen 45. Namun, ini tidak berlaku dalam isu forensik disebabkan seseorang pakar forensik ialah orang yang telah melakukan pemeriksaan yang relevan kepada sesuatu kes itu.

Sesungguhnya, walaupun Seksyen 45 tidak menggunakan terma ‘forensik’ dan hanya menggunakan terma ‘sains’ semata-mata, keterangan seseorang pakar forensik adalah relevan di bawah peruntukan ini kerana ‘sains’ boleh ditakrifkan secara luas dan forensik merupakan satu cabang kepadanya.

RUJUKAN

Buku

Andrew R.W. Jackson dan Julie M.Jackson, 2008, *Forensic Science*, Ed. ke-2, Pearson Education Limited, England.

Barry Fisher, David Fisher & Jason Kolowski, 2007, *Forensics Demystified*, The McGraw-Hill Companies, New York.

G.D Noakaes, 1967, *An Introduction To evidence*, Ed. ke-4, London: Sweet & Maxwell.
Hamid Ibrahim & Maimoonah Hamid, 1993, *Law of evidence*, Kuala Lumpur: Central Law Book Corporation Sdn. Bhd.

Hamid Sultan bin Abu Backer, 1994, *Janab's Key to the Law of Evidence in Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur, Janab (M) Sdn. Bhd.

Max M. Houck, 2009, *Forensic Science: Modern Methods of Solving Crime*, Pentagon Press, India.

P.B. Carter, *Cases and Statutes on Evidence*, 1990, Ed. ke-2, Sweet & Maxwell.

Richard May & Steven Powles, 2004, *Criminal Evidence*, Ed. ke-5, London, Sweet & Maxwell.

Richard Saferstein, 2007, *Criminalistics: An Introduction to Forensic Science*, Ed. ke-9, Pearson Education International, New Jersey.

Robin T. Bowen, 2010, *Ethics and the Practice of Forensic Science*, CRC Press, Boca Raton.

Shri S.N. Gour, *Field's Expert Evidence: Expert Evidence and Opinions of Third Person (Medical and Non-Medical)*, 1989, R.G. Sagar, India.

Justice Y V Chandrachud & V R Manohar, 2001, *Ratanlal & Dhirajlal's The Law of Evidence*,

Ed. ke-19, Wadhwa & Company, Nagpur.

Kamus

Butterworths Australian Legal Dictionary, Dr Peter E Nygh & Peter Butt, 1997, Butterwoths.

Chambers Encyclopedic English Dictionary, Robert Allen, 1994, Chambers.

Dictionary of Law, L.B.Curzon, 2002, Ed. ke-6, Pearson Education Limited, England.

Kamus Dewan, 2007, Ed. Ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

K. J. Aiyar's Judicial Dictionary (A Manual of Law Terms and Phrases), S.K. Awasthi & Rakesh Bagga, 1995, Ed. ke-11, The Law Book Company (P) Ltd., India.

KJ Aiyer's Judicial Dictionary, PM Bakshi, 2001, Ed. ke-13, Butterworths India, New Delhi.

Legal Dictionary, Sinha & Dheeraj, International Law Book Services, Kuala Lumpur.

NTC's American English Learner's Dictionary: The Essential Vocabulary of American Language and Culture, Richard A. Spears, 1998, NTC Publishing Group.

Oran's Dictionary of the Law, Daniel Oran, J.D. & Mark Tosti, J.D., 2008, New York: Thomson Delmar Learning.

Oxford English Reference Dictionary, Judy Pearsall and Bill Trumble, 2002, Ed. ke-2, Oxford University Press.

The Oxford English Dictionary, 1989, Ed. ke-2, Clarendon Press, Oxford.

Universal Dictionary, 1992, Reader's Digest, Great Britain.

Webster's Encyclopedic Unabridged Dictionary of the English Language. 1989. Portland House. New York.

Wharton's Law Lexicon, A.S. Oppe, 2007, Ed. ke-14, Universal Law Publishing Co. Pvt. Ltd.

Word Power Dictionary, 1998, Reader's Digest, Hong Kong.

1001 Legal Words You Need to Know, Jay M.Feinman & Erin McKean, 2003, New York: Oxford University Press.

Estidotmy, terbitan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, September 2010. (Utusan Malaysia, 29 September 2010; Rabu)